

18 NOV 2003

Politik-Barat

AHLI POLITIK TEMPATAN DISARAN PELAJARI TAMADUN BARAT

BANGI, 18 Nov (Bernama) -- Seorang ahli akademik menyarankan agar orang politik di negara ini mempelajari dan memahami tamadun barat yang kini mempengaruhi segala aspek kehidupan manusia.

Prof Datuk Syed Hussein Alatas berkata semua ahli politik tempatan perlu memahami faktor penting prinsip dan faktor perkembangan tamadun itu yang kini berpengaruh luas di dunia sejak kurun ke-16.

Mereka perlu membaca segala penerbitan berkaitan tamadun barat untuk mengetahui kekuatan dan faktor penting perkembangan tamadun itu, katanya semasa mengupas persoalan mengapa masyarakat Malaysia perlu mempelajari tamadun barat pada majlis "Wacana Oksidental dan Penubuhan Institut Kajian Oksidental Universiti Kebangsaan Malaysia" (UKM) di sini hari ini.

Institut kajian itu atau nama singkatannya (Ikon) adalah hasil cetusan idea bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno Jun lepas bahawa rakyat Malaysia perlu mempelajari tamadun Barat.

"Seseorang yang tidak ingin mempelajari tamadun barat adalah orang luar biasa," kata Syed Hussein yang merupakan salah seorang anggota panel majlis diskusi berkenaan.

Namun Syed Hussin yang juga fellow penyelidik utama di Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM berkata, tidak semua aspek tamadun barat itu perlu ditiru dan dipelajari seperti nilai-nilai negatif yang melanggar norma kehidupan manusia biasa.

Sebaliknya beliau berkata aspek patriotisme atau sayangkan negara adalah antara perkara yang boleh dipelajari daripada tamadun berkenaan.

Sementara itu Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Salleh Mohd Yasin berkata, Ikon merupakan usaha akademik dan intelektual untuk mempelajari peradaban Eropah yang meliputi benua Eropah, benua Amerika Utara dan Selatan, Australasia dan Russia.

Ikon yang ditubuhkan pada 1 Okt lepas diketuai seorang pengarah, Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin.

-- BERNAMA

HM AHH BK